

# info

LATIHAN KREATIF KOPERASI PROGRESIF



AGENSI DIBAWAH  
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
KOPERASI DAN KEPENGGUANAN

BIL 2/2017 ISSN: 0127-1023



## KONVOKESYEN MKM KE - 21

KURSUS WAJIB  
GABUNG KOPERASI  
MUHAMMAD AISHAH  
MANDAK BERHAD

18

22

PERSIDANGAN  
KEBANGSAAN TAHUNAN  
ANGKASA KE-32

BENGKEL PENGURUSAN  
RISIKO KOPERASI  
PEGAWAI KERAJAAN  
JOHOR BAHRU BERHAD

30

32

PELANCARAN KOPERASI  
RUKUN TETANGGA  
NEGERI SABAH



771511 909069

[www.mkm.edu.my](http://www.mkm.edu.my)

# Jom Masuk **iCOOP College** **KEMASUKAN 2017**

DAFTAR  
SEKARANG

iCOOP College merupakan subsidiari milik penuh Maktab Koperasi Malaysia, sebuah agensi kerajaan di bawah KPDKKK.



**PEARSON EDEXCEL INTERNATIONAL A-LEVEL IN ARTS**

MQA. (S) 600-4/5/2(80)



**DIPLOMA KEUSAHAWANAN  
KOPERASI** (MQA/PA 8589)

**DIPLOMA PENGURUSAN  
KOPERASI** (MQA/FA0907) (09/20)

Pengiktirafan :



Layari lawan sesawang iCOOP College  
untuk maklumat program yang lain.

**www.icoop.edu.my**



**Snap & WhatsApp**

Ambil gambar Keputusan SPM anda dan hantar melalui WhatsApp ke nombor telefon dibawah.

**NAMA->jarak>No.KP <jarak>ALAMAT  
& HANTAR KE 011-2917 6552**



**+6019-293 6552**

iCOOP COLLEGE (Kampus PJ)  
Wisma IEM, Jalan Selangor, 46050 Petaling Jaya, Selangor.

iCOOP COLLEGE (Kampus One Damansara) bakal dibuka.  
Podium Block, Damansara Damai, 47830 Petaling Jaya, Selangor.



**Accommodation  
Sponsored!**



\* Terms and conditions may apply.

# Dari Meja KETUA PENGARAH

---

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera**

Syukur Alhamdulillah pujian bagi Allah atas segala nikmat dan limpah kurniaNya, dapat kita bertemu sekali lagi dalam terbitan INFO yang terbaru bilangan 2/2017. Semoga naskah kali ini dapat memberi pelbagai maklumat dan paparan peristiwa terkini bagi tatapan warga MKM.

Istiadat konvokesyen MKM kali ke-21 telah berlangsung di Dewan Serbaguna, Aras G, KPDNKK pada 25 Mei 2017 dan merupakan istiadat konvokesyen yang terakhir dilaksanakan oleh MKM. Justeru, istiadat konvokesyen akan datang dilaksanakan oleh Kolej i-COOP. KPDNKK sekali lagi diberikan penghormatan sebagai tuan rumah kepada majlis yang besejarah ini apabila ia diadakan di Dewan Serbaguna KPDNKK dan istiadat konvokesyen ini telah disempurnakan oleh YB Dato Sri Jamil Salleh, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Seiringan itu, MKM turut melaksanakan Pelan Strategi MKM 2017-2020 bagi mendukung dan mencapai aspirasi kerajaan khususnya KPDNKK. Perlaksanaan Pelan Strategi ini meliputi perubahan misi, pengukuhan organisasi, penjenamaan semula MKM, penambahbaikan fungsi serta peranan, pengstrukturkan semula organisasi serta penambahbaikan konsep latihan dan pendidikan yang lebih komprehensif.

Sebagai sebuah pusat latihan dan pendidikan koperasi yang unggul, MKM perlu melahirkan lebih ramai modal insan yang mampu menjadi penggerak atau 'game changer' kepada gerakan koperasi. Kepentingan budaya inovasi dan kreativiti perlu disematkan dalam minda peserta kursus agar dapat mewujudkan idea baru yang lebih kreatif dan seterusnya dapat diaplikasikan dalam aktiviti pengkoperasian.

Akhir kata, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada sidang redaksi majalah INFO dan semua pihak yang terlibat, dalam memastikan terbitan kali ini memberi pelbagai maklumat serta paparan peristiwa yang berguna kepada pembaca.

Sekian dan salam.

**Prof. Madya Dr. Abdul Rahman bin Abdul Razak Shaik**

Ketua Pengarah

Maktab Koperasi Malaysia

# Sidang Redaksi

## PENASIHAT

YBhg. Prof. Madya Dr. Abdul Rahman bin Abdul Razak Shaik  
Ketua Pengarah

## KETUA EDITOR

Pn. Hjh. Julia Bee binti Ramjan  
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)

## EDITOR

En. Nasharuddin bin Mohd. Ali  
Pengarah Unit Komunikasi Korporat

## WAKIL SEKTOR/PUSAT/ZON/BAHAGIAN/UNIT

Pn. Salwana Ali

Sektor Perkhidmatan Kewangan

En. Muhammad Afnan Hasim

Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan

En. Mohd Faisal Shariff

Sektor Perladangan dan Asas Tani

Pn. Ayu Diana Awang

Sektor Hartanah (Perumahan) dan Industri Pembinaan

Pn. Noor Shafeeza bt. Zainuddin  
Sektor Pemborongan dan Peruncitan

Pn. Nur Syazwani  
Pusat Dasar dan Antarabangsa

Cik Nazirah bt. Baharuddin

Pusat Penyelidikan dan Konsultasi

En. Mohamad Haniff Mohamad Hashim  
Pusat Pembangunan Komuniti

Pn. Aslamiah Ali  
Pusat Teknologi Maklumat

Pn. Rohalinda Ahad  
Zon Tengah

Pn. Yusnita Othman  
Zon Utara

Cik Nur Hafieza Hashim  
Zon Timur

En. Ahmad Faizal Ahmad Shaarani  
Zon Selatan

Pn. Nor Azmawati Shafii  
Zon Sabah

Pn. Syarifah Rohaya Wan Idris  
Zon Sarawak

## PENYELARAS

Pn. Afiza Abdul Karim  
Unit Komunikasi Korporat

Cik Siti Arafah Md. Nawawi

Skim Latihan Kerjaya Koperasi (SLKK)

## PENCETAK

Giga Wise Network Sdn Bhd  
No. 74, Jalan Kapar 27/89  
HICOM Heavy Industrial Park,  
Seksyen 27  
40400 Shah Alam  
Selangor



# 06

## Eksklusif

- 6 Konvokesyen MKM Ke-21

## Fokus

- 8 "Celik Cukai: Antara Kewajipan dan Pengecualian Kepada Koperasi"

- 10 Melestari Keusahawanan Wanita

- 12 "Potensi Menjana RM30K Bisnes Food Truck"

## Perspektif

- 14 Sijil Peruncitan Koperasi

- 16 Pengurusan Ternakan Lembu (Pedaging) di Akademik Usahawan Ternakan MJFatonah, Kuala Selangor

- 18 Kursus Wajib Koperasi Secara E-Pembelajaran

## Lawatan

- 20 Kunjungan Ministry of Cooperatives and Poverty Alleviation of Nepal ke MKM

# KANDUNGAN

12



14

22



32



## Jaringan

- 22 Persidangan Kebangsaan Tahunan ANGKASA Ke-32
- 24 Pertandingan Bijak Mengeja KPDKKK-MKM-SKM-Bank Rakyat Sempena Bulan Bahasa Kebangsaan

## Berita Zon

- 25 Kursus Wajib Gabung Koperasi Muhammad Aishah Mandak Berhad
- 26 Elakkan Pembaziran #janganlebihlebih
- 28 "Istiqamah Ramadan, Memelihara Kelestarian Jiwa"
- 30 Bengkel Pengurusan Risiko Koperasi Pegawai Kerajaan Johor Bahru Berhad
- 32 Pelancaran Koperasi Rukun Tetangga Negeri Sabah
- 33 "Hamba Allah vs Hamba Ramadan"

## Berita Kakitangan

- 34 Misi Kemanusiaan Ke Kemboja



# KONVOKESYEN MKM KE-21

**Shamsul Khairi Abu Hassan**  
Pusat Pembangunan Komuniti

Dasar Koperasi Negara (DKN) 2011-2020 telah menggariskan lima Teras Strategik untuk meningkatkan taraf hidup dan pendapatan ekonomi rakyat khususnya anggota koperasi menjelang tahun 2020. Teras Strategik Ketiga DKN adalah mewujud dan meningkatkan keupayaan modal insan koperasi. Maktab Koperasi Malaysia (MKM) sebagai sebuah pusat latihan dan pendidikan koperasi telah memainkan peranan yang penting dalam menjayakan Teras Strategik Ke-3 DKN ini. Justeru, modal insan yang berkualiti perlu digilap dan dibangunkan melalui latihan dan pendidikan agar koperasi memperoleh tenaga kerja yang profesional dalam bidang pengurusan dan perniagaan agar setanding dengan gerakan koperasi luar negara.

Dalam melestarikan modal insan koperasi, MKM telah memperkenalkan program Diploma Pengurusan Koperasi (DPK) sejak tahun 1991, bertujuan melahirkan pelapis untuk menerajui sektor koperasi pada masa

hadapan. Matlamat utama program ini untuk melahirkan graduan yang berkualiti, cekap dan terlatih di sektor koperasi. Selain itu, program ini membantu melengkapkan pelajar dengan teknik, pengetahuan dan kemahiran tadbir urus dan perniagaan berteraskan prinsip dan perundangan koperasi. Graduan ini mempunyai masa depan yang cerah kerana terdapat lebih daripada 13,000 buah koperasi dalam negara yang memerlukan pelapis yang mempunyai ilmu dan kemahiran untuk mengurus koperasi.

Tanggal 25 Mei 2017 telah melakar sejarah buat MKM apabila istiadat konvokesyen Diploma Pengurusan Koperasi Ke-21 telah berjaya diadakan. Konvokesyen ini disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Jamil Bin Salleh, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) mewakili YB Dato' Seri Hamzah Bin Zainudin, Menteri KPDNKK.

Pada majlis ini, seramai 123 orang graduan DPK telah menerima diploma masing-masing. Graduan Siti Nursyazleen Binti Shamsul Nizam telah diumumkan sebagai Graduan Cemerlang dengan memperoleh PNGK 3.73. Beliau bergiat aktif dalam aktiviti persatuan termasuk pernah menjawat jawatan setiausaha Karnival Usahawan, Bendahari Semester, menghadiri program anjuran MKM seperti Anak Angkat dan Road To Kinabalu. Beliau bercita-cita untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah Sarjana Muda dan menjadi seorang yang berjaya. Kini, beliau bekerja di Koperasi Kaitangan Bank Rakyat (SEKATA RAKYAT) yang merupakan sebuah koperasi yang berjaya di negara ini.

Pada konvokesyen ini juga, enam orang pelajar telah dianugerahkan Anugerah Emas kerana memperoleh PNGK 3.61 ke atas dan 12 orang pelajar dianugerahkan Anugerah Khas kerana memperoleh PNGK 3.50 – 3.60. Kejayaan mereka dalam bidang pendidikan diharap

dapat diteruskan dalam bidang kerjaya dan meneruskan kesinambungan legasi koperasi pada masa hadapan.

Berdasarkan statistik Pekerjaan Graduan 2016, daripada 108 jumlah keseluruhan graduan, seramai 24.1% telah bekerja dengan koperasi, diikuti dengan 19.4% bekerja dengan swasta, 16.7% telah bekerja dengan kerajaan/badan berkanun dan seramai 20.4% graduan telah bekerja sendiri dan melanjutkan pelajaran. Kesemua graduan ini diwajibkan untuk mengikuti latihan secara praktikal melalui program Skim Latihan Kerjaya Koperasi (SLKK) untuk tempoh selama 6 hingga 9 bulan di koperasi seluruh Malaysia.

Istiadat konvokesyen Diploma Pengurusan Koperasi Ke-21 kali ini merupakan istiadat konvokesyen terakhir yang dijalankan oleh MKM memandangkan legasi program DPK ini akan diteruskan oleh anak syarikat MKM iaitu MKM Global Holding melalui Kolej i-Coop.



Antara graduan Diploma Pengurusan Koperasi yang diraikan



# **CELIK CUKAI:** Antara Kewajipan dan Pengecualian Kepada Koperasi

**Norul Hayatie Hashim**  
Pusat Penyelidikan dan Konsultasi

Pada 15 Mac 2017, telah berlangsung Bicara Ilmu bertajuk “**Celik Cukai: Antara Kewajipan dan Pengecualian Kepada Koperasi**” anjuran Pusat Penyelidikan dan Konsultasi, bertempat di Auditorium Dato’ A. Majid, Maktab Koperasi Malaysia (MKM). Program ini telah dihadiri oleh 150 orang peserta dari sekitar Lembah Klang dan Negeri Sembilan. Ia telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah MKM, Prof. Madya Dr. Abdul Rahman bin Abdul Razak Shaik.

Objektif utama program ini adalah untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada koperasi akan kepentingan menyenggara dan mengemas kini maklumat berkaitan percukaian di koperasi, sebelum dikemukakan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) setiap tahun. Dua orang fasilitator yang pakar

dalam bidang percukaian dijemput untuk sesi perkongsian pengalaman dan menerangkan perkara-perkara penting berkaitan cukai koperasi.

Sesi pembentangan kertas kerja program Bicara Ilmu ini telah disampaikan oleh **Pn. Siti Zaiton Bt. Buyong**, Pengurus Cukai di MNZWaja Sdn Bhd. Beliau menerangkan cara mengira pendapatan kena cukai koperasi, jenis denda ansuran CP204, kalender cukai koperasi, lain-lain pendapatan yang dikenakan cukai dan tidak dikenakan cukai, layanan atas kerugian dan elaun modal yang tidak diserap, perbelanjaan yang boleh dipotong dari pendapatan kasar, pengecualian cukai pendapatan, format pengiraan cukai dan lain-lain lagi berkaitan cukai yang dikenakan kepada koperasi.

Selesai sahaja pembentangan kertas kerja pertama, sesi kedua diteruskan dengan perkongsian pengalaman koperasi mengurus cukai yang telah disampaikan oleh **En. Azman**

**B. Mohd Sidek** daripada Koperasi Kakitangan Bank Simpanan Nasional Berhad (KOBONAS). Penceramah berkongsi pengalaman dengan peserta berkaitan jenis-jenis cukai; antaranya cukai perniagaan dan cukai pendapatan. Koperasi akan dikenakan cukai terhadap pendapatan bersama atau bukan bersama iaitu pendapatan yang diterima daripada ahli seperti faedah, yuran pemprosesan dan yuran ahli. Seterusnya, penceramah turut berkongsi kaedah yang digunakan oleh koperasi dalam menguruskan cukai dengan baik dan teratur, dan penceramah menggunakan perkhidmatan MNZWAJA dalam menguruskan pembayaran cukai koperasi. Selesai sahaja sesi perkongsian pengalaman koperasi tersebut, sesi soal jawab bersama peserta menyusul bagi memberi ruang kepada

peserta mengajukan soalan mengenai percukaian dan perkongsian pengalaman daripada fasilitator.

Secara keseluruhannya, program ini telah mencapai objektif yang telah ditetapkan dan mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan yang melebihi jangkaan. Program ini telah berjaya memberikan pengetahuan dan menjawab kemusyikilan peserta mengenai cukai yang dikenakan kepada koperasi. Peserta berharap agar program seperti ini dapat diteruskan di masa akan datang dalam membantu menyampaikan informasi yang tepat dan mampan kepada koperasi. Pusat Penyelidikan dan Konsultasi akan sentiasa komited menyediakan program-program ilmiah dan berinformasi mengikut keperluan semasa koperasi, bagi melahirkan generasi celik ilmu dan mengetahui kewajipan mereka.



Antara koperator yang hadir dalam Bicara Ilmu Celik Cukai di MKM



## MELESTARI Keusahawanan Wanita

**Nor Fadhilah bt Mohd**  
Pusat Pembangunan Komuniti

Pada 20 April 2017, Pusat Pembangunan Komuniti telah menganjurkan **Seminar Wanita: Melestari Keusahawanan Wanita** bertempat di Auditorium Dato' A. Majid, Maktab Koperasi Malaysia (MKM) kampus induk. Seramai 170 orang peserta

telah menghadiri seminar ini, terdiri daripada anggota koperasi dan badan-badan NGO dalam kalangan wanita sekitar negeri Melaka, Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan. Objektif program ini adalah untuk meningkatkan kefahaman dan tanggungjawab peserta dalam gerakan koperasi serta meningkatkan motivasi peserta memajukan koperasi dan perniagaan

yang sedang diceburi. Melalui program ini juga peserta dapat membangunkan idea perniagaan dalam membantu komuniti setempat serta lebih proaktif dalam menjana pendapatan koperasi.

Majlis perasmian program ini disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Akademik) MKM, Tn. Haji Ramlan bin Kamsin. Melalui ucapan beliau, para peserta diingatkan tentang kelebihan menyertai koperasi kerana koperasi mampu membantu anggota dalam meningkatkan pendapatan serta sosioekonomi komuniti setempat. Menurut sumber Suruhanjaya Koperasi Malaysia

(SKM), penubuhan koperasi wanita telah meningkat iaitu 205 buah pada tahun 2015 ke 219 buah koperasi pada tahun 2016. Statistik ini menunjukkan ada pertambahan bilangan penubuhan koperasi wanita, yang juga mampu memajukan gerakan koperasi di Malaysia.

Pengisian seminar ini melibatkan tiga sesi slot ceramah; slot pertama disampaikan oleh **Pn. Nor Maizatul Akmal binti Ja'afar**, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Projek Khas dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) tentang **Wanita Penggerak Transformasi Koperasi**. Beliau banyak berkongsi mengenai program pembangunan perniagaan koperasi yang boleh diceburi seperti bidang pemborongan dan peruncitan, pelancongan, penjagaan diri dan kesihatan serta perlادangan dan asas tani.

Seterusnya, slot kedua pula disampaikan oleh selebriti jemputan, **Fizo Omar** bertajuk **Melestari Keusahawanan Wanita**. Pelbagai input yang bermanfaat telah dikongsikan oleh beliau antaranya strategi merebut peluang perniagaan melalui pemasaran yang berkesan dan terkini seperti penggunaan media sosial dalam mempromosikan sesuatu produk koperasi. Beliau juga menyarankan strategi pemasaran haruslah sentiasa berubah mengikut peredaran masa agar produk yang dikeluarkan sentiasa mendapat sambutan yang menggalakkan.

Selain itu, program ini juga telah menjemput tiga orang ahli panel dari koperasi wanita yang telah berjaya dalam membangunkan koperasi mereka. Antaranya ialah Koperasi Serbaguna Kaum Ibu Kubang Pasu Bhd, Koperasi Keluarga Mak Siti Bera Bhd dan Koperasi Ekonomi Wanita Islam Larut Matang dan Selama Bhd, Perak. Ketiga-tiga panel



**Selebriti jemputan, Fizo Omar turut berkongsi input yang bermanfaat sewaktu program diadakan**

berkongsi mengenai cabaran mereka dalam membangunkan koperasi sehingga mencapai tahap yang membanggakan dan secara tidak langsung dapat menjadi pembakar semangat kepada peserta yang hadir untuk terus proaktif dalam membantu meningkatkan pendapatan koperasi khususnya.

Secara keseluruhannya, seminar ini berjaya mencapai objektifnya. Semoga program seperti ini dapat diteruskan dan menjadi satu platform yang berkesan dalam melahirkan golongan wanita yang melibatkan diri dalam bidang koperasi secara aktif dan mampu meningkatkan sosioekonomi komuniti setempat.



# POTENSI MENJANA RM30K SEBULAN

## Dengan Bisnes Food Truck

**Juliana Yusop**  
Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan

Pada 15 Jun 2017 Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan (SPPDK), telah menganjurkan program Bicara Profesional bertajuk “Potensi Menjana RM30K Sebulan Dengan Bisnes Food Truck” di Hotel Grand Blue Wave, Shah Alam. Objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta mengenai konsep perniagaan food truck melalui program **1Malaysia Mobile Hawkers**, menerangkan sumber pembiayaan yang boleh dimohon bagi menjalankan perniagaan food truck, dan perkongsian pengalaman usahawan yang telah menjalankan perniagaan food truck.

Bicara Profesional ini telah dihadiri seramai 120 orang peserta yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK), Jawatankuasa Kecil Projek, pengurus, kakitangan koperasi, anggota koperasi dan pegawai agensi kerajaan yang menyelia koperasi khususnya

di sekitar negeri Selangor, Kuala Lumpur, Perak, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.

Bagi memenuhi objektif program, tiga orang pembentang kertas kerja dan dua orang usahawan food truck berjaya telah dijemput untuk menyampaikan maklumat dan perkongsian pengalaman berkaitan perniagaan food truck. **En. Khairul Firdaus Bin Zubit** daripada Bahagian Peniaga dan Penaja Kecil, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) selaku pembentang kertas kerja yang pertama telah mengupas tentang projek **1Malaysia Mobile Hawkers** yang telah dilaksanakan oleh pihak KPDNKK.

Manakala **pembentang kertas kerja** yang kedua iaitu **En. Romzi Bin Ithnin** yang mewakili Komuniti Food Truck Malaysia telah menceritakan tentang peranan komuniti yang menyokong ahli-ahli mereka dalam

kalangan peniaga trak makanan seperti mencari tapak untuk mereka menjalankan perniagaan tersebut serta menguruskan konvoi jelajah komuniti food truck. Beliau juga membawa dua orang usahawan berjaya dalam perniagaan food truck untuk berkongsi pengalaman iaitu **En. Mohamed Shararini Bin Abdul Ghani**, pengusaha food truck Shah Flavour dan **En. Mohd Fazly Bin Mohd Nordin** pengusaha food truck Melaka Fried Chicken. Pembentang kertas kerja ketiga ialah **En. Wan Ahmad Faezal Bin Wan Nawi** daripada Bahagian Pembiayaan Perniagaan MARA, membentangkan kertas kerja berkaitan permohonan pinjaman bagi perniagaan trak makanan.

Selesai sahaja pembentangan kertas kerja oleh ketiga-tiga pembentang, sesi soal jawab

telah diadakan bersama para peserta yang dikendalikan oleh moderator Pn. Noranita Binti Mohd Nor, Pengarah SPPDK, bagi memberi peluang kepada koperator bertanyakan soalan kepada kedua-dua penceramah berhubung topik yang telah dibincangkan.

Secara keseluruhannya, Bicara Profesional “**Potensi Menjana RM30K Sebulan Dengan Bisnes Food Truck**” ini telah mendapat reaksi yang positif daripada para koperator dan telah mencapai objektifnya. Perkongsian pengetahuan dan pengalaman daripada penceramah dalam perniagaan food truck amat memberi kesan kepada koperator yang mendengar. Para koperator juga boleh mempertimbangkan perniagaan food truck sebagai salah satu aktiviti koperasi pada masa hadapan.



**En. Khairul Firdaus Bin Zubit dari Bahagian Peniaga dan Penjaja Kecil KPDNKK mengupas tentang 1Malaysia Mobile Hawkers**



# SIJIL PERUNCITAN KOPERASI

Nur Faeza Yahya  
Sektor Pemborongan dan Peruncitan

Program 10 hari **Sijil Peruncitan Koperasi** telah berjaya diadakan dengan kehadiran peserta seramai 25 orang daripada koperasi seluruh Malaysia. Program ini merupakan program latihan anjuran Sektor Pemborongan dan Peruncitan (SPP), dan ia adalah program pertama (perintis) yang mula diperkenalkan pada tahun 2017, dikoordinasikan oleh En. Mohd Zaib Mat Yunus (Pengarah Sektor SPP) bersama Pn. Nur Faeza Yahya (Pensyarah Kanan Sektor SPP).

Program Sijil Peruncitan ini diadakan dengan gabungan dua siri kursus iaitu Siri 1 pada 10 – 14 April 2017 (5 hari) dan Siri 2 pada 15 – 19 Mei 2017 (5 hari), menyasarkan kepada koperasi yang terlibat secara langsung dengan aktiviti pemborongan dan peruncitan. Antara wakil koperasi yang hadir ialah dari Koperasi Iskandar Malaysia Berhad (ImCOOP), Koperasi SKOMK Perak Berhad, koperasi yang terlibat dengan

program MyFarm Outlet SKM iaitu Koperasi Penduduk Tg Siam Kuala Selangor, Koperasi Bukit Semanggol Perak dan lain-lain koperasi.

Kursus yang diadakan secara intensif selama 10 hari ini telah memberi pendedahan dan ilmu peruncitan kepada para peserta. Mereka berpeluang menimba ilmu daripada pakar industri peruncitan yang dijemput; antaranya penceramah daripada Felda Trading, YaPEIM dan FAMACORP. Di samping itu, para peserta turut diberi ilmu praktikal pada sesi latihan industri di pusat pengedaran FAMACORP dan Era Bayam, lawatan industri ke kedai koperasi seperti Kedai MyWinkel (Felda Trading Sdn Bhd), Koperasi Kohilal, Koperasi Kakitangan MKM dan Kedai Az-zain Shah Alam.

Para peserta turut berpeluang menjalani beberapa latihan simulasi bagi menilai peserta dari aspek praktikal dan kefahaman peserta

terhadap ilmu yang diperoleh sepanjang kursus diadakan. Di akhir kursus, para peserta telah berpeluang membuat perbincangan (round table discussion) antara koperasi bagi membincangkan hala tuju, isu, cabaran dan pelan tindakan koperasi dalam industri dan aktiviti pemborongan dan peruncitan.

Secara keseluruhannya kursus Sijil Peruncitan Koperasi ini telah berjaya mencapai objektif dan matlamat untuk memberi pendedahan ilmu peruncitan kepada koperasi di samping mewujudkan jaringan kerjasama antara koperasi dalam sektor peruncitan di setiap hiliran aktiviti peruncitan.



**Gambar Kenangan Peserta Sijil Peruncitan Koperasi 2017 Bersama En Mohd Roslan (Ketua Sektor BKU MKM), En Mohd Zaib (Pengarah SPP) dan Pn Nur Faeza (Pensyarah Kanan SPP)**



**Lawatan Industri ke Kedai MyWinkel,  
Felda Trading Sdn. Bhd.**



**Peserta dibawa ke Pusat Pengedaran  
Beras Era Bayam**



# PENGURUSAN TERNAKAN LEMBU (PEDAGING)

**di Akademik Usahawan Ternakan MJFatonah, Kuala Selangor**

**Mohd Faisal Shariff**  
Sektor Perladangan dan Asas Tani

Pernakan lembu pedaging mempunyai potensi yang luas serta mendapat permintaan yang tinggi terutamanya pada musim perayaan sama ada hari raya Aidiladha maupun Adilfitri. Terdapat beberapa kaedah penternakan lembu yang dilaksanakan di Malaysia antaranya; penternakan integrasi bersama kelapa sawit, penternakan cara meragut lepas, fidlot dan separa integrasi.

Pada tahun 2015, permintaan daging lembu termasuk kerbau ialah 153,600 tan metrik. Apabila mencapai kadar sara diri 40 peratus, jumlah daging lembu yang akan dikeluarkan dalam negara adalah sebanyak 62,300 tan metrik dan melibatkan populasi lembu 1.65 juta ekor atau bilangan lembu betina pembiak sebanyak 610,000 ekor. Bagi mencapai

sasaran tersebut, sejumlah 464,000 ekor lembu perlu disembelih. Ini akan tercapai setelah penambahan induk pembiak sebanyak 40,000 ekor dalam masa 5 tahun bermula 2006 serta pengimportan 90,000 hingga 110,000 ekor lembu fidei setiap tahun.

Selaras dengan keperluan dalam industri ternakan, Sektor Perladangan dan Asas Tani telah mengadakan kerjasama dengan Akademik Usahawan Ternakan MJFatonah di Kuala Selangor menganjurkan Kursus Pengurusan Lembu (Pedaging) pada 11 hingga 13 Julai 2017 di Kuala Selangor. Pemilihan akademi ini adalah berdasarkan kredibiliti dan komitmennya untuk melahirkan usahawan koperasi dalam bidang penternakan lembu pedaging.

Akademi MJFatonah ini memiliki ladang ternakan seluas 3.5 ekar yang terletak di Kampung Teluk Penyamun, 60km dari Kuala Lumpur. Ladang ini mempunyai fasiliti yang kondusif untuk menjalankan kursus dan latihan penternakan lembu. Ia juga mempunyai sebuah kandang lembu yang mampu memuatkan 300 ekor lembu dan dua buah kandang kambing dengan kapasiti 700 ekor kambing dalam satu masa. Antara fasiliti lain yang terdapat di ladang ini ialah rumah baja, rumah sembelihan, stor makanan, bilik kuliah, dewan makan, surau dan bilik penginapan yang berhawa dingin. Kapasiti peserta ialah 44 orang (6 bilik).

Seramai 20 orang peserta daripada koperasi telah mendapat manfaat daripada kursus ini. Metodologi kursus ini adalah secara

perbincangan dalam kelas dan juga penekanan terhadap latihan praktikal. Selain mendapat ilmu pengetahuan lembu pedaging, para peserta juga mendapat ilmu tambahan semasa berkursus kerana mereka juga diajar dan dilatih untuk menguruskan ternakan kambing, membuat makanan lembu pedaging dan pendedahan awal mengenai pemprosesan baja tinja dan efektif mikroorganisme.

Kebanyakan respon dan penilaian peserta terhadap kursus ini adalah amat memberangsangkan dan telah mencapai objektif kursus. Para peserta berpuas hati kerana mendapat formula-formula dan latihan amali mengenai pengurusan lembu pedaging.



**Para peserta diberi penekanan terhadap latihan praktikal**

# KURSUS WAJIB KOPERASI SECARA E-PEMBELAJARAN

**Nur Aslamiah Ali**

Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Pada tahun 2008, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah mengeluarkan Pekeliling mengarahkan semua Anggota Lembaga Koperasi (ALK) menghadiri Kursus Wajib bagi melayakkan diri mereka dilantik memegang jawatan ALK dalam koperasi termasuklah Juruaudit Dalaman Koperasi (JAD). Kursus Wajib yang perlu dihadiri ialah Urus Tadbir dan Perundangan Koperasi (Wajib 1), Pengurusan Kewangan Koperasi (Wajib 2) dan Pengurusan Strategik Koperasi (Wajib 3). Manakala JAD pula diwajibkan menghadiri Kursus Pengauditan Koperasi (Wajib JAD).

Sebagai usaha untuk menyalurkan ilmu pengurusan perkoperasian kepada semua ALK, MKM telah mengambil langkah melaksanakannya melalui kaedah e-pembelajaran iaitu kaedah yang menggunakan kemudahan teknologi yang sedia ada masa kini.

Kursus Wajib Koperasi secara e-pembelajaran membolehkan bukan sahaja ALK tetapi sesiapa sahaja yang berminat untuk mengetahui ilmu pengurusan perkoperasian mengaksesnya secara dalam talian (online). Sistem ini memudahkan sesiapa sahaja mencapainya di mana sahaja, pada bila-bila masa dan dengan kos yang rendah, asalkan mempunyai talian internet.

E-pembelajaran yang dilaksanakan ini berkonsepkan Video Learning Management System (VLMS) dan pembelajaran berfokuskan penggunaan video yang disampaikan oleh penceramah mengikut modul dengan diselang-selikan dengan bahan mengajar.

Konsep VLMS adalah:

1. Menjimatkan masa dan kos;
2. Menggunakan teknologi ICT masa kini;
3. Mudah digunakan dan mesra pengguna;
4. Penumpuan yang tinggi dapat meningkatkan ilmu pengetahuan;
5. Interaksi secara online dapat meningkatkan pemahaman; dan
6. Boleh diakses di mana-mana sahaja dari mana-mana komputer selagi ada perkhidmatan internet.

E-pembelajaran VLMS adalah sistem pembelajaran menggunakan video. Setiap modul dilengkapi dengan video yang dirakam secara "live" yang telah disampaikan oleh pensyarah MKM. Peserta akan dapat merasai seolah-olah pembelajaran dilakukan di dalam kelas. Untuk menambahkan fokus dan pemahaman peserta, video ini diselang-selikan dengan bahan mengajar. Peserta juga boleh memuat turun nota yang disediakan bersekali dengan video syarahan.

Cara pembelajaran Kursus Wajib secara VLMS seperti berikut:

- Peserta perlu mendaftar untuk memasuki laman web Kursus Wajib VLMS di pautan <http://vlms.mkm.edu.my/>.
- Setelah mendapat kelulusan pengaktifan akaun, peserta membuat bayaran dan boleh memilih untuk mengikuti kursus wajib dalam sistem ini.
- Peserta perlu menonton video sehingga tamat, dan dalam masa yang sama boleh membuat pertanyaan pada ruangan interaksi yang disediakan. Soalan dan pandangan peserta akan dikongsi bersama dengan lain-lain peserta secara maya. Admin dan Subject Matter Expert (SME) akan memantau soalan dan cadangan yang diberikan.
- Di akhir setiap modul, peserta akan diberi kuiz untuk menguji kefahaman peserta.
- Hanya setelah berjaya menjawab kuiz yang diberikan, peserta dibenarkan memasuki modul yang seterusnya. Setelah lulus, batch lulus akan dipaparkan pada setiap modul.
- Peserta perlu melepassi status lulus bagi setiap kuiz di setiap modul yang dipelajari. Pembelajaran ini akan selesai setelah setiap modul lengkap diikuti.
- Bagi mendapatkan sijil penyertaan kursus wajib, peserta perlu menduduki peperiksaan akhir di mana-mana kampus MKM.



Yuran yang dikenakan hanya RM50 bagi setiap kursus. Peserta dikehendaki berhubung dengan Pusat ICT MKM untuk menduduki peperiksaan akhir secara *online* di mana-mana kampus MKM. Hanya setelah mereka disahkan lulus barulah Sijil Penyertaan Kursus Wajib dikeluarkan kepada peserta.

Diharap gerakan koperasi khususnya dapat memanfaatkan penggunaan kaedah e-pembelajaran ini yang mudah, cepat serta menjimatkan kos dan masa. Kaedah ini

akan mengarusperdanakan akses kepada perkhidmatan dan kemudahan ICT secara meluas serta menggalakkan penerimaan dan penggunaan ICT yang lebih menyeluruh dalam semua aspek kehidupan seharian. Ini juga sebagai satu usaha dalam menyampaikan ilmu koperasi menggunakan teknologi ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya dapat merealisasikan hasrat menjadikan gerakan koperasi sebagai penyumbang kepada pembangunan negara.



## Kunjungan Ministry of Cooperatives and Poverty Alleviation of NEPAL ke MKM

**Nur Farahin bt. Abd Rahman**  
Pusat Dasar dan Antarabangsa

Pada 22 Mei 2017, Maktab Koperasi Malaysia (MKM) telah menerima kunjungan daripada Ministry of Cooperatives and Poverty Alleviation of Nepal dan wakil National Cooperative Federation of Nepal (NCF). Rombongan delegasi tersebut diketuai oleh Mr. Suresh Pradhan yang merupakan Setiausaha Bersama daripada kementerian tersebut. Turut serta dalam lawatan kerja ini ialah Setiausaha, Ahli Lembaga Pengarah kementerian dan Timbalan Pengurus Besar NCF. Delegasi Nepal ini telah disambut oleh Timbalan Ketua Pengarah (Akademik), Tn. Hj Ramlan bin Kamsin dan Cik Sharina bt. Abdullah, Pengarah Pusat Dasar dan Antarabangsa, selain pegawai-pegawai latihan Pusat Dasar dan Antarabangsa selaku urus setia yang menerima lawatan tersebut, serta pegawai pengiring ANGKASA.

Model institusi latihan dan pendidikan koperasi serta pengalaman MKM beroperasi selama lebih 60 tahun menjadi topik utama perbincangan lawatan kerja delegasi Ministry of Cooperatives and Poverty Alleviation ini. Sebelum ini kementerian ini dikenali sebagai Ministry of Agriculture and Cooperatives. Dengan adanya kementerian yang lebih fokus kepada isu koperasi berbanding sebelumnya, delegasi memaklumkan yang mereka bercadang untuk menuju sebuah institusi latihan seumpama MKM di Nepal kelak. Selaku kementerian yang agak baru ditubuhkan iaitu pada 2012, kementerian ini telah mengadakan siri lawatan kerja ke beberapa buah negara untuk meninjau model pusat latihan koperasi di negara-negara tersebut. Sehubungan itu, lawatan kerja ini meninjau keseluruhan aspek peroperasian MKM daripada segi fungsi,

struktur, pentadbiran, kewangan, bidang latihan ditawarkan, promosi program, tadbir urus dan pemantauan. Selain itu, delegasi ini turut berminat untuk melihat pelaksanaan ‘Sustainable Development Goals’ (SDG) melalui koperasi selain amalan tadbir urus terbaik gerakan koperasi Malaysia.

Program lawatan kerja ini dimulakan dengan ucapan aluan Timbalan Ketua Pengarah (Akademik) serta penerangan mengenai sejarah dan fungsi MKM. En. Pradhan turut mengambil kesempatan untuk menerangkan serba sedikit mengenai gerakan koperasi di Nepal yang beroperasi di bawah 13 jenis fungsi. Koperasi di Nepal juga menyediakan peluang pekerjaan secara langsung kepada 50,000 orang dan secara tidak langsung kepada lebih 100,000 orang. Isu lain yang telah dibincangkan ialah perancangan akan datang, kewangan, kursus wajib dan Video Learning Management System (VLMS) serta pembelajaran dalam talian. Delegasi turut diberi penerangan mengenai kursus antarabangsa iaitu Malaysian

Technical Cooperation Programme (MTCP) dan diminta untuk menghebahkan maklumat kursus yang ditawarkan kepada gerakan koperasi di Nepal.

Taklimat dan sesi soal jawab yang mengambil masa lebih kurang satu jam ini telah memberi banyak maklumat kepada kedua-dua belah pihak. Di akhir perbincangan, kedua-dua belah pihak juga telah bertukar pandangan dan idea yang bernalas. Sedikit sebanyak maklumat yang diperoleh memberi pencerahan dan membantu para delegasi dalam perancangan mereka untuk menubuhkan institusi pendidikan koperasi di Nepal. Malahan, mereka turut mengalu-alukan bimbingan daripada MKM untuk menjayakan rancangan ini.

Selesai sesi soal jawab, para delegasi telah dibawa melawat sekitar MKM untuk memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai kemudahan yang ada di MKM seperti perpustakaan, bilik kuliah, bilik siber, dan sebagainya.



**Para delegasi sedang tekun mendengar taklimat mengenai MKM**

# PERSIDANGAN KEBANGSAAN TAHUNAN ANGKASA KE-32

**Nasharuddin Mohd Ali**  
Pengarah Unit Komunikasi Korporat



Gambar Ihsan ANGKASA

Mesyuarat Agung Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) yang juga merupakan Persidangan Kebangsaan Tahunan ANGKASA Ke-32, telah berlangsung selama dua hari pada 21 dan 22 Julai 2017 di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur.

Persidangan ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Hamzah Zainudin, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), yang turut melancarkan Pelan Strategik ANGKASA 2017-2050. Pelan Strategik ini merangkumi empat tonggak utama iaitu **Tonggak Ekonomi, Tonggak Ekosistem, Tonggak Tadbir Urus dan Tonggak Inovasi** yang akan memperkuuhkan pembangunan ekonomi gerakan koperasi negara. Pelancaran pelan strategik itu akan merealisasikan visi ANGKASA untuk menjadi pemangkin pembangunan koperasi terunggul Asean menjelang 2020.

Menurut pelan berkenaan, *Tonggak Ekonomi* bertujuan merangsang pembangunan dan daya saing gerakan koperasi berdasarkan sektor manakala *Tonggak Ekosistem* merangkumi pembangunan ekosistem melibatkan koperasi, pihak kerajaan, pihak swasta dan NGO dan ANGKASA memainkan peranan penting meneraju serta merangsang penglibatan gerakan koperasi. Selain itu, *Tonggak Tadbir Urus* merangkumi usaha membangun serta meningkatkan daya saing ANGKASA dan gerakan koperasi melalui pelaksanaan sistem tadbir urus korporat. *Tonggak Inovasi* pula merujuk kepada kerjasama dinamik serta progresif dan ANGKASA memainkan peranan penting meneraju penglibatan gerakan koperasi melalui aktiviti penyelidikan dan pembangunan serta inisiatif berinovasi tinggi.

Persidangan turut mengadakan pemilihan pucuk pimpinan baharu ANGKASA. Pemilihan kali ini melibatkan seramai 4,016 wakil sah dari 3,694 koperasi yang menghadiri persidangan tersebut. Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), Datuk Abdul Fatah Abdullah sekali lagi berjaya mempertahankan jawatannya dan jawatan Timbalan Presiden pula disandang oleh Tn. Hj. Mutadho Bahri. Manakala jawatan Naib Presiden yang terpilih ialah Tn. Hj. Mohamad Azmi Omaruddin dan Dr. Mohd Azlan Yahya.

Sementara itu, jawatan Pengerusi Persidangan ANGKASA telah dimenangi oleh Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Abdul Razak Shaik, Ketua Pengarah MKM, yang memperoleh undi sebanyak 2,309 manakala Timbalan Pengerusi Persidangan dimenangi oleh En. Mohamad Noor Mohamad dan Datuk Haron Abdullah yang masing-masing mendapat 297 dan 116 undi.



## PERSIDANGAN KEBANGSAAN TAHUNAN ANGKASA KE-32

DIRASMIKAN OLEH:

**YB DATO' SERI HAMZAH ZAINUDIN**

MENTERI KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN

22 JULAI 2017 (SABTU) • PWTC



Gambar Ihsan ANGKASA

Barisan pucuk pimpinan baharu ANGKASA yang terpilih dalam  
Persidangan ANGKASA ke-32

# PERTANDINGAN BIJAK MENGEJA KPDNKK-MKM-SKM-BANK RAKYAT SEMPENA BULAN BAHASA KEBANGSAAN

**Nasharuddin Mohd Ali**  
Pengarah Unit Komunikasi Korporat

Usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dilaksanakan saban tahun oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan dinantikan oleh pencinta bahasa. Sudah semestinya pelbagai aktiviti dan program kebahasaan diadakan bagi memeriahkan lagi sambutan itu. Dalam mempromosikan usaha tersebut, DBP turut memantapkan jaringan kerjasama dengan pelbagai pihak agar dapat meningkatkan kecintaan rakyat Malaysia terhadap bahasa, sastera dan budaya Melayu serta memperkuuhkan bahasa Melayu dalam masyarakat.

Bahasa bukan sahaja penting sebagai alat komunikasi tetapi bahasa juga melambangkan nilai dan hati budi sesuatu masyarakat walau di mana mereka berada. Oleh itu, untuk meletakkan bahasa Melayu pada tahap yang lebih tinggi sehingga menjadi salah satu bahasa utama dunia, pelbagai usaha dilakukan secara berterusan dan hal ini memerlukan kerjasama semua pihak dan lapisan masyarakat.

Sehubungan itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) bersama agensi-agensi di bawahnya turut komited dalam membantu memartabatkan bahasa Melayu sebagai

Bahasa Kebangsaan melalui pelbagai program yang diadakan.

Sempena sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan yang telah dilancarkan, Maktab Koperasi Malaysia (MKM), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) bersama Bank Rakyat telah menganjurkan Pertandingan Bijak Mengeja pada 16 Mac 2017 bertempat di MKM.

Pertandingan Bijak Mengeja peringkat agensi di bawah KPDNKK telah disertai seramai 42 warga kerja agensi yang dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha KPDNKK, Datuk Razali Othman. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Timbalan Ketua Pengarah (Akademik) MKM, Tn. Haji Ramli Kamsin, Naib Pengerusi Eksekutif SKM, En. Zazali Haron dan Naib Presiden Kanan, Pemasaran dan Komunikasi Bank Rakyat, En. Nizam Sani.

Pertandingan tersebut telah dimenangi oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan MKM menduduki tempat kedua.

Usaha sama antara agensi di bawah KPDNKK seperti ini perlu diteruskan di masa-masa akan datang, demi mengeratkan lagi hubungan sesama agensi.

# KURSUS WAJIB GABUNG

Koperasi Muhammad Aishah Mandak Berhad

**Julizah Sabstu**  
Zon Tengah

Pada 16 Mei 2017, MKM Zon Tengah telah mengendalikan kursus Wajib Gabung 2 (Pengurusan Kewangan Koperasi) dan 3 (Pengurusan Strategik) bersama Koperasi Muhammad Aishah Mandak Berhad di Berjaya Hotel, Kuala Lumpur. Kursus secara *In-House* ini adalah susulan daripada Kursus Wajib 1 Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi yang telah dihadiri pada 15-16 Mac 2017 di Hotel Seri Malaysia Bagan Lalang Sepang.

Objektif Kursus Wajib Gabung ini adalah untuk memberi kefahaman mengenai kaedah bagi menilai prestasi koperasi dan mengurus modal kerja koperasi dengan berkesan serta

memberi kefahaman berkaitan konsep dan kepentingan pengurusan secara strategik dalam pengurusan dan pentadbiran koperasi.

Kursus ini telah dihadiri seramai 10 orang peserta yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi dan Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi. Ia diketuai oleh Pengerusi Koperasi Muhammad Aishah Mandak Berhad iaitu Yang Amat Mulia Tengku Puteri Seri Lela Manja Pahang Tengku Nong Fatimah Binti Sultan Ahmad Shah. Turut hadir bersama bagi sesi penyampaian sijil ialah Ketua Pengarah MKM, Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Bin Abdul Razak Shaik.



Yang Amat Mulia Tengku Puteri Seri Lela Manja Pahang Tengku Nong Fatimah Binti Sultan Ahmad Shah, Pengerusi Koperasi Muhammad Aishah Mandak Berhad, (baris hadapan, tiga dari kiri) mengetuai Kursus Wajib Gabung 2 & 3. Turut hadir Prof Madya Dr Abdul Rahman Bin Abdul Razak Shaik, Ketua Pengarah MKM (tiga baris hadapan dua dari kiri).



## ELAKKAN PEMBAZIRAN #janganlebihlebih

**Yusnita binti Othman**  
Zon Utara

Kempen #janganlebihlebih yang dilancarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKK) sempena sambutan Ramadan dan Aidilfitri 2017 bertujuan memupuk kesedaran supaya pengguna beringat ketika berbelanja dan tidak melebihi keperluan. Bertitik tolak daripada itu, Maktab Koperasi Malaysia (MKM) Zon Utara telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan Bicara Ilmu "Elakkan Pembaziran #janganlebihlebih" pada 16 Jun 2017 bersamaan 21 Ramadan 1438 H bertempat di Dewan Astaka Batu Kurau, Perak. Program ini turut disertai dengan Majlis Iftar dan Fiesta Kacau Dodol Perdana anjuran Pusat Khidmat Parlimen Larut dan UMNO Bahagian Larut.

Kehadiran YB. Dato' Seri Hamzah bin Zainudin, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan merangkap Ahli Parlimen

Larut bersama-sama tetamu kehormat yang lain serta tidak ketinggalan Ketua Pengarah MKM, Prof. Madya Dr. Abdul Rahman bin Abdul Razak Shaik ke Bicara Ilmu telah menyerikan lagi majlis ini bersama rakyat. Keprihatinan yang ditunjukkan oleh pemimpin masyarakat ini menjadi inspirasi kepada rakyat untuk mewujudkan suasana cintakan agama dan minat yang mendalam terhadap ilmu agama. Nilai-nilai yang dibawa oleh agama sebenarnya menjurus kepada perkara-perkara baik yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup manusia.

Menyingkap inti pati Bicara Ilmu yang berkisarkan konsep kesederhanaan dan tidak berlebih-lebih dalam kehidupan telah disampaikan oleh penceramah Imam Muda Abdul Jabbar bin Mohammed Kahar, Juara Program Imam Muda Musim Ketiga. Selaku penceramah, beliau telah mengupas

pelbagai isu pembaziran serta perkaitannya dalam amalan sehari-hari dan berkongsi amalan baik sebagai rujukan bagi membentuk sahsiah terpuji umat Islam.

Hakikatnya, Bicara Ilmu ini adalah suatu peringatan, tazkirah yang bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud: "Dan tetap tekunlah engkau memberi peringatan, kerana

sesungguhnya peringatan itu mendatangkan faedah kepada orang yang beriman" (Surah Adz-Dzaariyat, ayat 55).

Semoga usaha MKM Zon Utara untuk mendekati rakyat menerusi Bicara Ilmu memberi peluang rakyat menghayati dan memanfaatkan ilmu yang dipelajari.



**Imam Muda Abdul Jabbar bin Mohammed Kahar, Juara Program Imam Muda Musim Ketiga memberi ceramah berkisarkan konsep kesederhanaan dan tidak berlebih-lebih dalam kehidupan.**



## **“ISTIQAMAH RAMADAN, Memelihara Kelestarian Jiwa”**

**Nur Hafieza Hashim**  
Zon Timur

Bersempena dengan bulan Ramadan Al-Mubarak, MKM Zon Timur telah mengadakan Majlis Berbuka Puasa dan Bicara Ilmu dengan tema **“Istiqomah Ramadan, Memelihara Kelestarian Jiwa”** pada **15 Jun 2017 (Khamis) bersamaan 20 Ramadan 1438H di Masjid Kuala Temau Dong, Pahang.** Program yang telah dirasmikan oleh YB. Dato' Sri Hj Shahiruddin bin Ab. Moin, Penggerusi Jawatankuasa Koperasi, Keusahawanan dan Kepenggunaan Negeri Pahang merangkup ADUN Dong, dihadiri hampir 400 orang peserta yang terdiri daripada En. Sharuddin bin Jali, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK) Pahang, pengarah dan kakitangan kerajaan serta agensi di bawah KPDKKK Pahang, pengarah dan kakitangan jabatan kerajaan Negeri di Kuantan dan Daerah Raub,

pemimpin koperasi, pegawai agensi kerajaan yang menyelia koperasi, anggota koperasi serta masyarakat setempat terutamanya penduduk Kampung Temau, Raub.

Selain meningkatkan penghayatan dan memelihara amalan serta rohaniah dalam menuai ibadah puasa di bulan Ramadan, program ini juga menjadi wadah mengukuhkan ikatan ukhwah antara koperasi, agensi dan masyarakat setempat. Pengisian sepanjang program dimulakan dengan majlis penyampaian zakat oleh Bank Rakyat kepada anak-anak yatim di daerah Raub dan pemberian sumbangan kepada Koperasi Kariah Masjid Kuala Temau Berhad oleh Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri Pahang Zon 3. Sumbangan kepada Jawatankuasa Kampung Temau

oleh KPDKKK Pahang juga untuk anak-anak yatim, ibu tunggal, warga emas dan orang kelainan upaya (OKU) oleh Koperasi Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian (LKPP) Pahang Berhad, Bank Persatuan Pahang, Koperasi Peneroka Felda Lurah Bilut Berhad, Koperasi Felda Sungai Koyan 3 Raub Berhad dan Koperasi Peserta Felda Sungai Koyan 2 Berhad. Majlis turut diraikan oleh Ustaz Norhamizi bin Jamaluddin (Johan Pencetus

Ummah 2016) selaku penceramah jemputan Bicara Ilmu serta imam solat terawih.

Penganjuran dan penglibatan agensi kerajaan dalam program sebegini menunjukkan keprihatinan dan tanggungjawab sosial terhadap masyarakat setempat khususnya koperator untuk merapatkan lagi hubungan demi kebaikan bersama.



**YB. Dato' Sri Hj. Shahiruddin menyampaikan sumbangan kepada warga emas**



**Setiausaha JPAN Pahang Zon 3 menyampaikan sumbangan kepada Koperasi Kariah Masjid Kuala Temau Berhad**



**YB. Dato' Sri Hj. Shahiruddin menyampaikan zakat Bank Rakyat kepada anak-anak yatim**



**Anak-anak yatim bergambar kenangan dengan YB. Dato' Sri Hj. Shahiruddin**



# BENGKEL PENGURUSAN RISIKO KOPERASI

**Pegawai Kerajaan Johor Bahru Berhad**

Ahmad Faizal Shaarani  
Zon Selatan

**M**KM Zon Selatan dengan kerjasama Koperasi Pegawai Kerajaan Johor Bahru Berhad telah menganjurkan Bengkel Pengurusan Risiko pada 10 hingga 12 Mei 2017 yang lalu bertempat di Hotel Mahkota, Melaka. Seramai 35 orang peserta yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan kakitangan telah menyertai program ini. Program ini telah dikendalikan oleh Pengarah MKM Zon Selatan, En. Mohd. Razalie Raffae dan Pn. Adila Hashim, pensyarah Zon Selatan.

Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada Anggota Lembaga dan kakitangan koperasi mengenai kepentingan pengurusan risiko agar koperasi dapat seboleh mungkin meminimumkan kerugian dan memaksimumkan keuntungan melalui kawalan risiko yang berkesan. Program ini telah mendapat sambutan dan kerjasama yang baik dan jitu daripada semua peserta. Di samping itu peserta juga dapat menilai sejauh mana pelaksanaan pengurusan risiko yang

telah diaplikasikan dalam koperasi mereka, di samping melihat peluang menambah baik pengurusan risiko bagi setiap aktiviti yang dijalankan oleh koperasi.

Para peserta telah memberi maklum balas yang positif terhadap inti pati program dan bersungguh-sungguh untuk memastikan koperasi mereka mempunyai satu sistem pengurusan risiko terbaik agar dapat menjana

keuntungan yang lebih baik. Program lanjutan atau susulan berkenaan pengurusan risiko ini juga perlu dilaksanakan untuk menilai hasil yang telah dilakukan oleh para peserta. Para peserta juga ingin program-program seperti ini diteruskan pada masa akan datang agar dapat membantu mereka menambah ilmu serta membantu koperasi dalam perniagaan.



Pn. Adila Hashim, pensyarah Zon Selatan, menyampaikan ceramah pelaksanaan pengurusan risiko yang berkesan kepada para peserta Bengkel



KM Zon Sabah telah menyertai pameran sempena program khas Pembangunan Koperasi Kawasan Parlimen Pensiang dan Majlis Perasmian Pelancaran Koperasi Rukun Tetangga Negeri Sabah yang telah berlangsung pada 22 dan 23 April 2017 di Dewan Sekolah Kebangsaan Sook, Keningau, Sabah. Program ini dirasmikan oleh YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Beberapa pihak turut menyertai program ini; antaranya ANGKASA, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Maktab Koperasi Malaysia (MKM) sendiri, Bank Pembangunan dan beberapa koperasi terpilih.

Antara tujuan pelaksanaan program ini adalah untuk melibatkan rukun tetangga dalam bidang koperasi, menjadikan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) lebih berdikari, berdaya maju dan memupuk kesedaran dalam kalangan masyarakat dan pelajar di daerah Keningau berkaitan faedah dan kebaikan berkoperasi.

Selain majlis pelancaran penubuhan Koperasi Rukun Tetangga, program tersebut turut menyaksikan majlis Menandatangani Persefahaman antara MKM dengan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) yang disempurnakan oleh Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup. Antara inti pati persefahaman itu adalah MKM dan JPNIN akan bekerjasama dalam bidang-bidang tersebut:

- Latihan dan Pendidikan
- Pertukaran Maklumat
- Pertukaran Kepakaran
- Fasiliti dan Kemudahan

Diharapkan segala perancangan untuk melibatkan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dalam aktiviti koperasi dapat dilaksanakan dengan jayanya dan YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup ingin melihat agar rukun tetangga seluruh negeri Sabah dapat menuahkan koperasi masing-masing pada masa akan datang.

# “HAMBA ALLAH vs HAMBA RAMADAN”

**Dayang Adelina binti Hj Abg. Muan**  
Zon Sarawak

**M**KM Zon Sarawak telah mengadakan Program Bicara Ilmu Ramadan tahun ini pada 8 Jun 2017 dengan tema “Hamba Allah Vs Hamba Ramadan”. Program yang diadakan di Masjid Besar Bandar Sri Aman Sarawak ini telah disempurnakan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato Sri Rohani binti Abdul Karim.

Lima pengisian dalam Program Bicara Ilmu Ramadan 2017 ini adalah perasmian program, bacaan Al-Quran, pembentangan ceramah, pemberian sumbangan dana dan keperluan harian kepada golongan asnaf terpilih serta majlis berbuka puasa peserta program bersama tetamu khas. Program yang dihadiri oleh seramai 218 orang peserta yang terdiri daripada kalangan Anggota Lembaga Koperasi (ALK) sekitar kawasan Sri Aman, kakitangan agensi kerajaan dan individu luar ini bertujuan untuk memberi pemahaman berkaitan pengertian Ramadan yang sebenarnya dan dijadikan sebagai asas transformasi diri untuk menjadi hamba Allah yang lebih baik selain memberi penekanan berkaitan pentingnya melaksanakan ibadah dan amal soleh secara istiqamah (berterusan) sepanjang masa.

Sesi ceramah Bicara Ramadan yang bertajuk “Hamba Allah Vs Hamba Ramadan” telah disampaikan oleh penceramah jemputan iaitu juara Pencetus Ummah Astro Musim Pertama; Ustaz Haji Muhammad Hafiz Bin Mohd Haneefa. Beliau memesan agar umat Islam lebih fokus dan istiqamah dalam melakukan

ibadah serta dapat merasai nikmat Ramadan yang telah dijanjikan oleh Allah SWT.

Petanda mudah mengenal hamba Ramadan adalah orang yang hanya mengenal Allah pada bulan ini sahaja. Setelah berlalunya Ramadan, rasa gerun, takut dan cinta kepada Allah menyusut lantas hilang ditelan masa.

Pada akhir ceramah ini, Ustaz Haji Muhammad Hafiz berpesan supaya memahami maksud sebenar puasa dan amalan di bulan Ramadan mulia agar kita melakukan ibadah dalam keadaan yang berilmu dan tidak hanya sekadar mengikut orang lain.



**Ketua Pengarah MKM bersama Dato Sri Rohani Abdul Karim (dua dari kiri) di majlis perasmian Bicara Ilmu Ramadan 2017 Zon Sarawak**



**Dato Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, menyampaikan sumbangan dana kepada golongan asnaf**



# MISI KEMANUSIAAN KE KEMBOJA

Salwana binti Ali

Seramai empat orang kakitangan Maktab Koperasi Malaysia (MKM) telah mengikuti program lawatan sambil belajar dan misi kemanusiaan ke Kemboja, anjuran PUSPANITA KPDNKK selama empat hari bermula 4 Mei hingga 7 Mei 2017. Objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan, meningkatkan ilmu pengetahuan dan mengeratkan silaturahim antara dua buah negara khususnya bagi warga KPDNKK dan penduduk tempatan. Melalui program ini juga warga KPDNKK dapat memahami sosial budaya tempatan sekaligus dapat memupuk nilai kualiti dalam diri peserta.

Turut serta dalam lawatan ini ialah YBhg. Dato' Sri Jamil Salleh, Ketua Setiausaha KPDNKK bersama YBhg. Datin Sri Dr Asmah Samat selaku Pengurus PUSPANITA KPDNKK. Di samping lawatan, para peserta telah dibawa ke majlis perasmian Misi Promosi Francais di Kemboja. Program ini memberi peluang kepada usahawan francais Malaysia untuk memperluaskan perniagaan di sana. Perasmian program ini telah disempurnakan oleh YB. Dato' Henry Sum Agong, Timbalan Menteri KPDNKK. Pada sebelah malam peserta diraikan dalam majlis makan malam bersama Datuk Seri Hasan Malek, Duta Besar Malaysia di Kemboja.

Bagi program misi kemanusiaan pula, peserta telah dibawa ke sebuah komuniti Islam di Wilayah Chhnang. Bantuan diberikan kepada penduduk kampung seperti makanan serta

pakaian terpakai dan majlis penyerahan telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Jamil Salleh. Selain itu para peserta diberi kesempatan untuk melawat sebuah hospital iaitu Hospital Beyond Boundaries (HBB) yang ditubuhkan secara sukarela oleh Dr. Mohd Lutfi Fadi, Ketua Eksekutif HBB dari Malaysia. Objektif penubuhan hospital ini adalah untuk membantu komuniti Islam dan memberi khidmat perubatan kepada golongan yang memerlukan khususnya kepada etnik minoriti Cham di Kemboja. Antara kemudahan yang disediakan ialah klinik kesihatan, kemudahan wad pesakit, bilik bersalin dan bilik bedah.

Di akhir sesi lawatan ini peserta telah dibawa ke tempat bersejarah yang terkenal di sana. Cheung Ek Killing Field dan Toul Sleng Museum merupakan peninggalan bersejarah yang sangat kejam ketika pemerintahan Rejim Pol Pot dan tentera Khmer Rouge. Peserta juga dibawa melawat ke tempat-tempat menarik di sekitar bandar raya Phnom Penh seperti Royal Palace, night market, Russian Market dan Central Market.

Program ini telah mencapai objektifnya serta memberi satu pengalaman baru kepada peserta. Diharap program ini dapat diteruskan pada masa akan datang dan sekalung penghargaan kepada PUSPANITA KPDNKK yang berjaya menguruskan program ini dengan jayanya.



SELAMAT MENYAMBUT  
HARI KEBANGSAAN  
KE-60



**NEGARAKU**  
**SEHATISEJIWA**

# Maktab Koperasi Malaysia

## Kampus Induk

Maktab Koperasi Malaysia  
103, Jalan Templer,  
46700 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan  
e-mel: mkm@edu.my

Tel: 03-7964 9000 Faks: 03-7957 0434  
Laman web: <http://www.mkm.edu.my>

## MKM Zon Utara

No. 1515, Wisma KGMKB  
Jalan Tunku Ibrahim,  
05000 Alor Setar,  
Kedah Darul Aman  
e-mel: mkmcutara@edu.my  
Tel: 04 - 733 7527  
Faks: 04 - 733 7532

## MKM Zon Sabah

Tingkat 5, Menara MAA,  
Lorong 6 Api Api 1,  
Kota Kinabalu  
88000, Sabah  
e-mel: mkmsabah@edu.my  
Tel : 088 - 240 812  
Faks: 088 - 241 802

## MKM Zon Timur

Kompleks Inkubator,  
Indera Mahkota 14,  
Bandar Indera Mahkota  
25200 Kuantan,  
Pahang Darul Makmur  
e-mel: mkmctimur@edu.my  
Tel: 09 - 573 2449  
Faks: 09 - 573 2405

## MKM Zon Sarawak

Bangunan Rugayah,  
Jalan Song Thian Cheok,  
Peti Surat B241  
93100 Kuching, Sarawak  
e-mel: mkmsarawak@edu.my  
Tel: 082 - 230 409  
Faks: 082 - 230 405

## MKM Zon Selatan

Tingkat 1, Bangunan Kerjasama,  
Jalan Dhoby,  
80000 Johor Bahru,  
Johor Darul Takzim  
e-mel: mkmcselatan@edu.my  
Tel: 07 - 2262 119  
Faks: 07 - 2262 125

## Kolej i-Coop

Damansara Damai Campus 1  
Jalan PJU 10/3C, Damansara Damai  
47830 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia  
Tel: 03-7952 4500  
Faks: 03-7955 0863  
e-mel: [infor@icoop.edu.my](mailto:infor@icoop.edu.my)(kolej icoop)

[www.mkm.edu.my](http://www.mkm.edu.my)



[maktabkoperasimalaysia](#)



[Maktab\\_Koperasi](#)



[Maktab\\_Koperasi\\_Malaysia](#)